



5 Mac 2013
5 March 2013
P.U. (A) 83

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN) (PENGgantian) 2013

CO-OPERATIVE SOCIETIES (ASSUMPTION OF CONTROL) (REPLACEMENT) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN) (PENGgantian) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(3) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penggantian) 2013**.

Pengambilalihan kawalan

2. Suruhanjaya telah melantik Haji Mohd Azmy bin Deris untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kakitangan Kerajaan Dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad dan perbadanan yang berkaitan dengannya dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya mulai 1 November 2011 bagi baki tempoh pengambilalihan kawalan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (No. 3) 2010 [P.U. (A) 356/2010] selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari 20 Oktober 2010.

Kos dan perbelanjaan

3. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 2 hendaklah kena dibayar daripada dana dan harta Koperasi Kakitangan Kerajaan Dan Badan-Badan Berkanun Terengganu (KOKANUN) Berhad sebagai suatu caj yang pertama.

Pembatalan pelantikan

4. Pelantikan Mohd Nasir bin Mohd Nor yang disiarkan dalam P.U. (A) 356 pada 20 Oktober 2010 dibatalkan mulai 31 Oktober 2011.